

Headline **69 atlit ke IPTA, IPTS terima Biasiswa Sukan**
Date **11. Jan 2008** Language **MALAY**
Media Title **Berita Harian** Page No **27**
Section **Pendidikan** Article Size **167** cm2
Circulation **217991** Frequency **Daily**
Readership **762968** Color **Full Color**



69 atlit ke IPTA, IPTS terima Biasiswa Sukan

Oleh Khairina Yasin

SERAMAI 69 atlit yang kini mengikuti pengajian peringkat diploma dan ijazah pertama di 11 institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan swasta (IPTS) dipilih sebagai penerima Biasiswa Sukan, Kementerian Pengajian Tinggi 2007.

Daripada jumlah itu, 65 adalah pelajar pengajian ijazah pertama manakala selebihnya pelajar program diploma dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) mendahului senarai jumlah penerima iaitu 44 atlit berbanding IPT lain.

Setiausaha Bahagian Sukan, Kementerian Pengajian Tinggi, Dr Saharudin Ismail, berkata lapan atlit Universiti Teknologi Mara turut terpilih diikuti Universiti Teknologi Malaysia (empat), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (tiga).

Katanya, masing-masing dua dari Universiti Kebangsaan Malaysia, Universiti Pendidikan Sultan Idris dan Universiti Malaya.

"Empat lagi atlit ialah masing-masing satu dari Universiti Sains Malaysia, Universiti Malaysia Sabah, Universiti Tunku Abdul Rahman dan Universiti Industri Selangor."

"Daripada keseluruhan penerima, 24 atlit dikategorikan di bawah kategori senior antarabangsa, kategori kebangsaan (satu), kategori negeri (satu) dan kategori junior (43)," katanya kepada Berita Harian di Putrajaya, semalam.

Kategori senior antarabangsa bermaksud atlit terbabit mestilah me-

wakili negara untuk Sukan Sea, Sukan Asia, Sukan Komanwel dan Olimpik.

Kategori kebangsaan atau negeri pula merangkumi atlit yang mewakili negeri atau negara untuk pertandingan antarabangsa manakala atlit berumur bawah 21 tahun dan mewakili negeri atau negara pada kejohanan sukan rasmi peringkat negeri, negara atau antarabangsa dikategorikan sebagai atlit junior.

Sambil menjelaskan sejumlah 427 permohonan diterima pada 2007, Saharudin berkata, 99 permohonan disenarai pendek jawatankuasa pemilihan dan hanya 69 berjaya ditawarkan biasiswa berkenaan.

Katanya, biasiswa itu termasuk yuran pengajian, elaun sara hidup RM500 sebulan untuk kedua-dua pelajar peringkat diploma dan ijazah pertama.

"Mereka turut menerima insentif pencapaian sukan dengan kategori senior antarabangsa (RM1,000 sebulan), kategori kebangsaan atau negeri (RM500 sebulan) dan kategori atlit junior (RM250 sebulan).

"Elaun lain termasuk elaun peralatan sukan RM1,000 setahun, elaun buku, alat tulis, kertas projek dan tesis (untuk pelajar ijazah pertama sahaja)," katanya.

Saharudin berkata, setiap penerima biasiswa akan dipantau perkembangannya baik dari segi akademik dan pencapaian sukan pada setiap masa bagi membuktikan keupayaan mereka untuk meletakkan diri mereka setanding dengan jaguh sukan negara.